

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA MPOU

 airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/5647-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-mpou-9

KUALA LUMPUR, 20 Nov 19 – Markas Pemerintahan Operasi Udara telah mengadakan Majlis Pemakaian Pangkat kepada tiga orang anggota LLP yang disempurnakan oleh Ketua Staf MPOU, Mej Jen Dato' Muhamad Norazlan bin Aris TUDM di Bilik Mesyuarat MPOU.

Dalam majlis ini menyaksikan Sjn U Ruslan bin Ahmad dan Sjn U Muhamad Zulhilme bin Lias dinaikkan ke pangkat Pemangku FSjn manakala Kpl U (W) Ili Ruzanna binti Roustum Shah dinaikkan ke pangkat pemangku Sjn U.

Dalam majlis yang sama beliau turut berbesar hati untuk menyampaikan sumbangan kepada Kpl U Ramzi bin Hj Ramlie di atas pemergian ayahanda akibat serangan jantung.

